

28/07/2002

Malaysia mahu tahu tindakan susulan AS

KUALA LUMPUR: Tindakan susulan Amerika Syarikat (AS) dalam menangani isu keganasan di Asia Barat adalah antara perkara yang Malaysia mahu tahu daripada Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell, yang akan melawat negara ini, esok.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata perkara lain yang akan dibincangkan termasuk soal keganasan dan usaha meningkatkan hubungan dalam konteks kedua-dua negara, serantau dan antarabangsa.

"Kita berminat apakah tindakan seterusnya yang Amerika hendak ambil terhadap konflik Palestin-Israel," katanya kepada wartawan selepas merasmikan bengkel Smart News Network International (SNNi) di sini, semalam.

Beliau menganggap lawatan Powell sebagai positif dan dialu-alukan kerana memberikan peluang Malaysia untuk bertukar-tukar fikiran.

Beliau berkata, lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke AS awal tahun ini banyak membuka hubungan dua hala yang merangkumi pelbagai dimensi termasuk ekonomi.

Selain Syed Hamid, Powell dijadualkan bertemu Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi.

Powell adalah dalam rangka lawatan lapan hari ke negara Asia bermula 27 Julai hingga 3 Ogos. Perhentian pertama beliau ialah India dan Pakistan. Beliau dijangka memujuk kedua-dua negara mengurangkan konflik antara mereka.

Semalam, Powell akan ke Bangkok sebelum ke Malaysia dan Singapura masing-masing esok dan lusa.

Powell akan menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Luar Asean dengan rakan-rakan dialog di Brunei pada 31 Julai dan 1 Ogos. Selepas itu, beliau akan ke Indonesia dan seterusnya ke Filipina sebagai perhentian terakhir pada 3 Ogos.